

Nestlé Catat Pertumbuhan Kuku Untuk Tempoh Sembilan Bulan Pertama

Meningkatkan pelaburan dalam perdagangan dan pemasaran untuk memacu keputusan positif

SOROTAN PENTING

- Perolehan meningkat sebanyak 4.8% ke RM3.8 bilion, dipacu oleh pertumbuhan dalam perniagaan domestik dan eksport.
- Peningkatan pelaburan dalam promosi Perdagangan dan Pengguna untuk mengukuhkan bahagian pasaran bagi pertumbuhan mampan.
- Untung operasi meningkat sebanyak 12.1% kepada RM708 juta untuk sembilan bulan pertama 2016, berbanding tempoh yang sama tahun lepas.
- Para pengarah telah mengisytiharkan dividen bagi interim kedua sebanyak RM0.70 sesaham.

PETALING JAYA, 25 Oktober 2016 – Nestlé (Malaysia) Berhad terus mencatatkan pertumbuhan kukuh dengan mencapai keputusan yang lebih baik bagi sembilan bulan pertama tahun kewangan berakhir 30 September 2016. Perolehan Kumpulan meningkat 4.8% kepada RM3.8 bilion, berbanding RM3.6 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Ulasan prestasi: Tahun Sehingga kini, 2016 berbanding Tahun Sehingga tarikh sama, 2015

Untuk tempoh sembilan bulan pertama, Kumpulan mencatatkan perolehan sebanyak RM3.8 bilion, 4.8% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Keputusan ini dipacu oleh jualan domestik yang lebih tinggi dan pertumbuhan eksport kukuh.

Pertumbuhan Kumpulan sebanyak 12.1% dalam Untung Operasi kepada RM708 juta disumbang oleh harga komoditi lebih baik di samping peningkatan kecekapan dalam kilang-kilang dan rangkaian bekalan. Peningkatan-peningkatan kecekapan ini telah digunakan untuk kesinambungan pemacu inovatif dan pengubahsuaian produk Kumpulan serta meningkatkan promosi perdagangan dan pengguna.

En. Alois Hofbauer, Pengarah Urusan, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Inovasi terus merupakan pemacu utama pertumbuhan, dan merupakan sebahagian daripada DNA Nestlé kami. Kami sentiasa mencari peluang-peluang pertumbuhan yang baru sambil kami menyesuaikan diri dengan keperluan dan jangkaan pengguna-pengguna kami yang sentiasa berubah. Oleh itu, ia adalah penting untuk kami terus melabur bagi mengembangkan perniagaan secara mampan."

"Kami sentiasa memberi fokus terhadap penambahbaikan dalaman bagi mencapai kecekapan secara menyeluruh dan produktiviti yang lebih tinggi, dan langkah ini telah membawa keputusan yang positif. Kami akan mengambil pendekatan yang seimbang bagi menyalurkan sebahagian daripada penjimatan yang dihasilkan daripada peningkatan kecekapan ini ke dalam pelaburan promosi perdagangan dan pemasaran. Langkah ini telah membolehkan Kumpulan mengekalkan trajektori pertumbuhannya," tambah beliau.

Berasaskan pertumbuhan, harga komoditi yang lebih baik, peningkatan kecekapan, serta kadar cukai efektif yang lebih rendah, untung selepas cukai berjumlah RM570 juta telah diraih, lonjakan 16.1% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Dividen interim bersih kedua sebanyak RM0.70 sesaham telah diisytiharkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menambah nilai bagi pemegang saham.

Ulasan prestasi: Suku 3, 2016 berbanding Suku 3, 2015

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2016, Untung Kasar Kumpulan meningkat sebanyak 6.5% kepada RM491 juta, berbanding RM461 juta pada suku tahun yang

sama tahun lepas. Ini telah dicapai berasaskan perolehan berjumlah RM1.26 bilion, iaitu kenaikan 3.7%.

En. Hofbauer mengulas, “Kami mengambil langkah untuk terus melabur dalam penghasilan produk-produk baru, dan telah meningkatkan promosi perdagangan dan pengguna bagi mengukuhkan kedudukan bahagian pasaran kami untuk pertumbuhan yang mampan.”

“Usaha berterusan kami untuk memelopori inovasi telah membolehkan kami berjaya melancarkan beberapa produk baru yang telah menyokong pertumbuhan perniagaan, serta memberikan sumbangan kukuh kepada jualan domestik dan juga eksport. Ini termasuk NESTLÉ BLISS GO, NESTUM Banana Caramel, NESCAFÉ Tarik dan MAGGI OatMee. Di samping produk baru, kami juga mencari peluang baru dengan mengembangkan perniagaan E-Dagang kami, dan telah melancarkan aktiviti-aktiviti menarik, seperti pembukaan Kedai Konsep KIT KAT pertama di Asia Tenggara, iaitu KIT KAT Chocolatory, di mana pengguna berpeluang untuk mencipta coklat KIT KAT sendiri,” beliau berkata.

Hasil daripada strategi pelaburan semula Kumpulan, untung operasi dan untung bersih mengalami penyusutan sedikit berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya, iaitu kepada RM193 juta dan RM161 juta masing-masing.

Prospek

“Strategi Menjana Pertumbuhan kami akan terus menjadi teras tumpuan Kumpulan pada bulan-bulan akan datang, dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan secara menyeluruh. Kami ingin mengekalkan keseimbangan yang baik antara meningkatkan kecekapan kos dan menyalurkan penjimatan ini bagi memacu pelaburan perdagangan dan pemasaran bagi menyokong pertumbuhan yang mampan bagi masa hadapan,” kata En Hofbauer.

“Menyedari cabaran berterusan yang dihadapi oleh ekonomi global dan Malaysia, kami berhati-hati tetapi yakin dapat mencapai pertumbuhan selanjutnya dalam jangka pendek dan juga jangka panjang,” rumus En Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé yang merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia serta merupakan peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, beribu pejabat di Vevey, Switzerland. Sejak tahun 1866, Nestlé komited untuk menawarkan produk bermutu tinggi, lazat, selamat dan berkhasiat kepada para pengguna kami, sejajar dengan janji *Good Food, Good Life* kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak tahun 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna menerusi jenama dan produk berkualiti kami, serta komitmen untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi. Di Nestlé, para pengguna kami merupakan nadi dalam segala yang kami lakukan. Kami memberi nikmat kepada para pengguna melalui tawaran produk yang mempunyai kualiti yang terbaik; sejajar dengan asal-usul kami di Switzerland sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Untuk maklumat lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 5185
+6012-353 1337

E-mel: Maxine.Lim@my.Nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my